

Program Penghayatan Thurath Islami di Masjid UKM

Kuala Lumpur: Program Penghayatan Thurath Islami Sempena Sambutan Maal Hijrah 1440H akan diadakan di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dekat sini, bermula 8 hingga 11 September ini.

Wacana ilmu itu menampilkan Tuan Guru Baba Ghazali Ahmad al-Fathani al-Azhari dari Pondok Wakaf Budi Sekam, Thailand dan al-Musnid Asia Tenggara Syeikh Husni Ginting al-Langkati al-Azhari (Pondok Al-Husniyyah, Indonesia).

Program anjuran ASWAJA Malaysia bersama Pusat Islam UKM itu, turut menampilkan pendakwah tanah air, Muhadir Joll dan Engku Ahmad Fadhil Engku Ali.

ASWAJA Malaysia dalam kenya-

taannya berkata, wacana ilmu itu akan mengembalikan suasana pengajian turath yang diwarisi alim ulama terdahulu dalam menuntut ilmu agama dengan penuh ketekunan.

"Pengajian ini bakal mengupas kitab turath Islami yang masyhur seperti kitab *Al-Kharidah Al-Bahiyah*, iaitu kitab akidah bermanhaj Asyairah yang sangat masyhur sehingga menjadi silibus pengajian akidah di Asia Barat yang akan dihuraikan Baba Ghazali.

"Syeikh Husni pula bakal menghuraikan kitab paling terkenal dalam usaha melangkah ke dalam ilmu usul fiqh, iaitu kitab *Al-Waraqat Fi Usul Fiqh* karya Imam al-Haramain al-Juwaini," kata kenya-

taan itu.

Bincang perbincangan isu khilafiah

Kenyataan itu berkata, Muhadir bakal membedah kitab *Bingkisan Buat Umat* yang membincangkan perbincangan isu khilafiah (perkara yang menimbulkan perselisihan pendapat kerana ketiadaan nas yang jelas), pembahagian bidaah dan hujjah bagi amalan yang dituduh sesat.

"Muhadir juga akan membacakan kitabnya, *Misbahud Duja Syarah Safinah an-Naja*, iaitu himpunan syarahan yang diolah dan disusun daripada kitab tersohor fiqh mazhab Syafie, *Safinah An-Naja*.

"Slot Forum Perdana bertajuk



Wacana ilmu itu akan mengembalikan suasana pengajian turath yang diwarisi alim ulama terdahulu dalam menuntut ilmu agama dengan penuh ketekunan"

**Kenyataan
ASWAJA Malaysia**

Ahli Sunnah Wal Jamaah: Dulu & Kini yang bakal disampaikan Muhadir dan Engku Ahmad Fadhil pula akan diadakan pada 9 September, bermula jam 9 malam," katanya.

Doa akhir, awal tahun Hijrah * Program yang bermula jam 9 pagi hingga 10 malam itu, turut diisi dengan pembacaan doa akhir dan awal tahun Hijrah.

Kitab pengajian boleh dibeli di tempat program dan sijil sanad akan diserahkan kepada peserta selepas pengijazahan dibuat, manakala maklumat lanjut hubungi Ahmad Hafiz Mohd Rozmizi di talian 011-32944090 atau e-mel al-hasyir.alkarim@yahoo.com.